

# Za'ba dinobatkan Tokoh Akademia Negara Sepanjang Zaman

**Tanjung Malim:** Tokoh pemikir, Allahyarham Tan Sri Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba, semalam dinobatkan sebagai Tokoh Akademia Negara Sepanjang Zaman.

Anugerah disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena Majlis Syarahan Za'ba dan Sambutan Hari Akademia Negara 2024 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini.

Program berkenaan bertujuan mengangkat jasa Za'ba sebagai pemikir kritis dan keupayaan unik menganalisis peradaban orang Melayu dalam semua aspek, termasuk konsep kemiskinan merentas zaman.

Ketika hayatnya, Allahyarham mencetuskan kebangkitan bangsa serta melontarkan permasalahan kemiskinan pelbagai dimensi merangkumi harta benda, cita-cita, pendidikan dan sikap atau akhlak.

Za'ba percaya kemiskinan bukan sahaja dalam bentuk ma-

terial, tetapi juga 'kemiskinan minda' yang menjadi permasalahan utama orang Melayu.

Anugerah berkenaan yang turut disertakan geran penerbitan RM100,000, diterima waris Allahyarham, Dr Sharzede Salleh Askor pada majlis yang turut dihadiri Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang dan Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff.

Za'ba adalah pendahulu intelektual watan yang menguasai serba bidang, termasuk bahasa, pendidikan, ekonomi, sosial, reformis agama dan budaya. Allahyarham juga tokoh inklusif diterima semua kaum dan masyarakat di negara ini.

Turut terkenal sebagai tokoh pengarang prolifk dan intelektual ulung Melayu dalam pembinaan kemajuan pemikiran



Anwar menyampaikan geran penerbitan dan Anugerah Akademia Sepanjang Zaman kepada Sharzede sambil diperhatikan Saarani (dua dari kiri), Zambry dan Lih Kang (kanan) pada Majlis Syarahan Za'ba dan Sambutan Hari Akademia Negara 2024 di UPSI, Tanjung Malim, semalam. (Foto BERNAMA)

bangsa, antara karyanya *Pelita Bahasa Melayu*, *Ilmu Mengarang Melayu* dan *Daftar Ejaan Melayu Jawi atau Rumi*.

Pernah dikurniakan beberapa anugerah seperti doktor persuratan dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sumbangan Allahyarham diterima secara meluas sepanjang zaman.

Sebagai contoh, kerajaan Negeri Sembilan mewujudkan Teratak Za'ba yang bersifat mu-

zium tokoh, selain Yayasan Pendeta Za'ba pada 1986 bagi mengabdikan sumbangan Allahyarham dalam tradisi keilmuan.

Ketika ditemui media, Sharzede yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) melahirkan rasa terharu dengan pengiktirafan diterima Allahyarham yang pemikirannya masih dihargai, dikenang dan digunakan.

"Saya ingin melihat pemiki-

ran dibawa Allahyarham mengenai orang Melayu berfikir, bertukar dengan cara yang betul dan diaplikasikan oleh generasi masa kini," katanya memaklumkan Za'ba meninggal ketika beliau berumur 12 tahun.

Sharzede mengakui beliau sendiri mewarisi, menterjemah dan mengaplikasikan pemikiran Allahyarham dalam kerjaya pelancongan dan menjadikannya inspirasi untuk berani dan percaya kepada diri sendiri.